

Headline	Beli sambil membantu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	v6	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	354 cm <sup>2</sup>
Journalist	Siti Zarinah Sahib	AdValue	RM 10,179
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,537



# Beli sambil membantu

## Pembelian set amal edisi istimewa 101 Hair Care bantu kanak-kanak miskin seluruh dunia

>>Oleh Siti Zarinah Sahib  
sitizarinah@hmetro.com.my

**S**ETIAP hari, hampir 4,000 kanak-kanak mati akibat minum air tercemar dan tidak selamat. Ini belum termasuk kematian bayi akibat kekurangan bekalan makanan serta penyakit berjangkit.

Di banyak negara, isu keselamatan serta kesihatan kanak-kanak sentiasa diperbincangkan. Banyak cadangan dibuat yang menjurus kepada program membiayai program kemasyarakatan bagi membolehkan kanak-kanak mendapat pendidikan dan penjagaan kesihatan sempurna, mendidik ibu mengenai pentingnya penjagaan sebelum dan selepas bersalin serta kesedaran terhadap isu HIV dan Aids. Menyediakan bekalan air bersih dan sanitasi boleh mengurangkan separuh kadar kematian kanak-kanak.

Sebagai masyarakat yang prihatin, sesiapa juga boleh memberi sumbangan kepada kanak-kanak. Ini boleh dilakukan dengan menaja kanak-kanak bagi memenuhi keperluan komuniti yang lebih baik.

Program Tajaan Kanak-Kanak Antarabangsa World Vision 101 Hair Care bertujuan menaja 101 kanak-kanak di negara membangun seperti Kemboja, China, Indonesia, India, Lubnan, Myanmar, Thailand dan Vietnam, sekali gus mengumpul dana RM60,600 setahun menerusi sokongan orang ramai.

Menurut Pengarah 101 Hair Care, Ricky Thye, syarikat-

nya mula menaja beberapa kanak-kanak saja pada 2009 dan bilangan itu semakin bertambah setiap tahun sehingga meningkat kepada 101 kanak-kanak. Ini bermakna 101 Hair Care terbabit dalam kehidupan mereka sejak dari mula iaitu dengan menanggung keperluan serta memberi kesan kepada kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif World Vision Malaysia, Liew Tong Ngan, Program Tajaan Kanak-Kanak World Vision bertujuan membantu golongan miskin melalui kerjasama untuk

membina masa depan yang lebih baik, bukan saja kanak-kanak tetapi keluarga dan masyarakat.

Seorang kanak-kanak yang mendapat manfaat daripada program ini, Luong Thi Khuyen, 7, dari Vietnam mengakui sangat teruja kerana mendapat penajaan.

"Apabila menerima surat daripada 101 Hair Care yang memberikan sumbangan keperluan persekolahan kepada saya, saya sangat gembira," katanya.

Ibunya, Luong Thi Thay berkata, sejak anak perempuannya mengambil bahagian dalam projek ini, perubahan pada dirinya semakin ketara.

"Khuyen semakin aktif dan seronok ke sekolah. Dia juga rajin membantu saya di dapur, membersihkan rumah serta mengambil berat kanak-kanak yang lebih muda. Dia terpilih sebagai wakil pelajar cemerlang di sekolah dan ini tentunya menggembirakan saya dan saya fikir sudah tentu semuanya disebabkan program penajaan ini," katanya.

Menurut Luong, pada 2010 sebanyak 400 telaga air dibina

Headline	Beli sambil membantu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	v6	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	354 cm <sup>2</sup>
Journalist	Siti Zarinah Sahib	AdValue	RM 10,179
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,537

yang membolehkan hampir 898 isi rumah dengan 956

kanak-kanak menggunakan air bersih setiap hari untuk mandi dan minum.

Berbeza dengan pada masa lalu apabila wanita dan kanak-kanak setiap isi rumah menghabiskan masa sekurang-kurangnya satu atau dua jam setiap hari untuk mendapatkan air sungai sebagai keperluan harian.

“Apabila kelahiran anak kedua, bayi saya membesar dengan sihat dan sempurna. Ini salah satu daripada keberkesanan program penajaan ini yang bukan saja

memperbaiki pendidikan dan kesihatan kanak-kanak malah keseluruhan penduduk kampung,” katanya.

Bagi mereka yang ingin menghulurkan sumbangan, orang ramai perlu membeli set amal edisi istimewa 101 Hair Care yang menawarkan pelbagai produk dengan potongan 60 peratus bagi membantu kanak-kanak di seluruh dunia.

Pakej tawaran ini boleh didapati di semua cawangan 101 Hair Care bermula 15 November 2011 hingga 29 Februari 2012. Untuk maklumat lanjut, layari [www.101hair.com.my](http://www.101hair.com.my).



**CERIA...**Khuyen bersama ibunya, Luong Thi Thay dan adiknya yang kini menjalani kehidupan lebih sihat.